



# 2016

PENYATA KEWANGAN  
NEGERI PERLIS



## KANDUNGAN

- i PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
DAN BENDAHARI NEGERI
- ii SIJIL AUDIT NEGARA

### **PENYATA KEWANGAN**

- 1 Laporan Bendahari Negeri
- 13 Penyata Kedudukan Kewangan
- 14 Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- 15 Penyata Prestasi Kewangan
- 16 Penyata Akaun Memorandum
- 17 Nota Kepada Penyata Kewangan

### **LAMPIRAN KEPADA NOTA**

- 32 Lampiran 1 – Penyata Perbelanjaan Mengurus
- 43 Lampiran 2 – Penyata Perbelanjaan Pembangunan
- 63 Lampiran 3 – Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut
- 64 Lampiran 4 – Penyata Akaun Memorandum Hutang Awam
- 68 Lampiran 5 – Penyata Ringkas Tunggakan Hasil



**PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
DAN BENDAHARI NEGERI**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Acara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan International Public Sector Accounting Standard – Financial Reporting under the Cash Basic of Accounting.
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua jabatan Kerajaan Negeri.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum beserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2016.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2016.

**NASARUDDIN BIN ABDUL MUTTALIB**

Pegawai Kewangan Negeri Perlis

09 Januari 2017

**ROHANI BT CHE MIE C.A.(M)**

Bendahari Negeri Perlis

09 Januari 2017



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
KERAJAAN NEGERI PERLIS  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 telah diaudit atas arahan saya selaras dengan Akta Audit 1957. Pihak pengurusan Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini dan tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut. Pengauditan telah dilaksanakan dengan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perlis pada 31 Disember 2016; hasil operasi serta aliran tunainya bagi tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

**(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)**

Ketua Audit Negara  
Malaysia.

Putrajaya

4 Mei 2017





LAPORAN

BENDAHARI NEGERI



**LAPORAN BENDAHARI NEGERI  
PENYATA KEWANGAN 2016**

**PENDAHULUAN**

Laporan ini disediakan untuk menerangkan secara ringkas kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perlis sepanjang tahun 2016. Maklumat yang dinyatakan dalam laporan ini adalah ringkasan data yang diperolehi daripada Penyata Kewangan Negeri Perlis bagi tahun berakhir 31 Disember 2016.

**PRESTASI BELANJAWAN**

Belanjawan 2016 yang disediakan dengan tema “**Belanjawan Berhemah, Pembangunan Mampan, Rakyat Sejahtera**”, secara prinsipnya adalah terarah untuk menepati strategi fiskal dan langkah-langkah kewangan demi mengurangkan defisit negeri dengan mengoptimalkan sumber-sumber hasil negeri serta mengamalkan perbelanjaan secara berdisiplin dan berhemah dengan tidak mengeneipkan tuntutan dan keperluan kesejahteraan rakyat.

Belanjawan 2016 telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada Disember 2015 dengan memperuntukkan sebanyak RM153.72 juta bagi Perbelanjaan Mengurus dan RM37.28 juta bagi Perbelanjaan Pembangunan, manakala kutipan hasil dianggarkan berjumlah RM70.28 juta.

Dewan Undangan Negeri juga telah meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM4.87 juta untuk perbelanjaan mengurus menjadikan peruntukan keseluruhan berjumlah RM158.59 juta, manakala tambahan peruntukan untuk perbelanjaan pembangunan berjumlah RM8.27 juta. Walau bagaimanapun, sebanyak RM4.00 juta peruntukan pembangunan telah ditarik balik oleh Perbendaharaan menjadikan peruntukan keseluruhan Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2016 berjumlah RM41.55 juta.

Jadual 1 menunjukkan prestasi sebenar Kutipan Hasil, Perbelanjaan Mengurus dan Perbelanjaan Pembangunan berbanding dengan Anggaran Belanjawan (Kemaskini) 2016.

**JADUAL 1  
PRESTASI BELANJAWAN KERAJAAN NEGERI 2016**

Butiran	Bajet (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)	Prestasi (%)
Hasil	70.28	109.93	156.42
Perbelanjaan Mengurus	158.59	132.35	83.45
Perbelanjaan Pembangunan	41.55	37.61	90.52


**LAPORAN BENDAHARI NEGERI  
PENYATA KEWANGAN 2016**

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN**

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ke tiga-tiga akaun kumpulan wang yang disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

Carta 1 menunjukkan kedudukan baki Kumpulan Wang Disatukan bagi tempoh 5 tahun.

**CARTA 1**



**Wang Tunai**

Wang Tunai Kerajaan Negeri terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank (termasuk Pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang), Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Baki Wang Tunai pada 31 Disember 2016 berjumlah RM19.59 juta, meningkat sebanyak RM2.92 juta (17.52%) berbanding baki pada tahun 2015 sebanyak RM16.67 juta.

Laporan terperinci mengenai wang tunai boleh dirujuk kepada **Nota 3, Nota Kepada Penyata Kewangan**.

**LAPORAN BENDAHARI NEGERI  
PENYATA KEWANGAN 2016****AKAUN HASIL DISATUKAN**

Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urusan terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957. Dalam tahun 2016 akaun ini mencatat kurangan sebanyak RM22.42 juta menjadikan defisit terkumpul meningkat daripada RM384.56 juta dalam tahun 2015 kepada RM406.98 juta pada akhir tahun 2016.

**Hasil**

Hasil Kerajaan Negeri dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil.

Kutipan hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2016 berjumlah RM109.93 juta, meningkat sebanyak 25.38% (RM22.25 juta) berbanding kutipan tahun 2015 sebanyak RM87.68 juta. Berlaku peningkatan ketara dalam kutipan Hasil Cukai dan Terimaan Bukan Hasil iaitu masing-masing sebanyak 43.47% dan 59.32%.

**Hasil Cukai**

Kutipan Hasil Cukai bagi tahun 2016 berjumlah RM19.44 juta, meningkat sebanyak 43.47% berbanding kutipan 2015 sebanyak RM13.55 juta. Sumbangan terbesar adalah daripada kutipan cukai tanah berjumlah RM17.18 juta.

**Hasil Bukan Cukai**

Pungutan Hasil Bukan Cukai adalah RM20.50 juta iaitu 16.90% lebih rendah berbanding anggaran 2016 berjumlah RM24.67 juta. Penurunan ini disebabkan berlaku penyusutan dalam kutipan di bawah kategori Perolehan Dari Jualan Barang-barang berpunca daripada pengurangan ketara dalam kutipan bayaran Premium Tanah iaitu sebanyak RM6.81 juta (69.49%) berbanding anggaran disemak berjumlah RM9.80 juta.

Kutipan Sewaan berjumlah RM6.61 juta iaitu 68.62% lebih tinggi berbanding anggaran disemak RM3.92 juta. Peningkatan ini disumbang oleh kutipan tunggakan sewa kediaman pelajar UNIMAPs di PPR Wang Ulu Bintang berjumlah RM3.13 juta.


**Terimaan Bukan Hasil**

Terimaan Bukan Hasil yang merupakan penyumbang terbesar kepada hasil negeri iaitu sebanyak 63.67%, telah mencatatkan peningkatan sebanyak 59.32% (RM26.06 juta), iaitu daripada RM43.93 juta dalam tahun 2015 kepada RM69.99 juta. Peningkatan ini disebabkan dalam tahun 2016 Kerajaan Negeri telah menerima Pemberian Kurangan Hasil berjumlah RM40.14 juta berbanding RM8.51 juta dalam tahun 2015.


**LAPORAN BENDAHARI NEGERI  
PENYATA KEWANGAN 2016**

Laporan terperinci mengenai hasil boleh dirujuk kepada **Nota 5, Nota Kepada Penyata Kewangan**. Carta 2 menunjukkan Jumlah kutipan hasil Kerajaan Negeri mengikut komponen bagi tahun 2016 manakala Carta 3 menunjukkan prestasi kutipan bagi ketiga-tiga komponen dalam tempoh 5 tahun.

**CARTA 2**



**CARTA 3**



**LAPORAN BENDAHARI NEGERI  
PENYATA KEWANGAN 2016**

**Perbelanjaan Mengurus**

Jumlah anggaran Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri disemak 2016 meningkat sebanyak 3.17% menjadi RM158.59 juta berbanding anggaran asal RM153.72 juta.

Sehingga 31 Disember 2016, perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri berjumlah RM132.35 juta. Sebahagian besar perbelanjaan adalah untuk menampung perbelanjaan di bawah pemberian dan kenaan tetap (iaitu pemberian bantuan am kebajikan, bayaran balik pinjaman dan bayaran pencen), bayaran emolumen (iaitu bayaran gaji dan elaun kakitangan Kerajaan Negeri) serta perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan termasuk penyelenggaraan dan bayaran utiliti.

**Perbelanjaan Tanggungan** berjumlah RM12.75 juta, iaitu 59.39% daripada jumlah yang diperuntukkan 2016. Sebahagian besar peruntukan adalah untuk bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan iaitu sebanyak RM10.00 juta. Walau bagaimanapun, disebabkan masalah aliran tunai Kerajaan Negeri hanya membuat bayaran balik pinjaman berjumlah RM1.66 juta (16.60%) daripada jumlah yang diperuntukkan.

**Perbelanjaan Bekalan** berjumlah RM119.60 juta merupakan 87.22% daripada jumlah yang diperuntukkan. Peruntukan untuk caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM8.78 juta tidak disalurkan kerana baki kumpulan wang tersebut mencukupi bagi menampung perbelanjaan pembangunan 2016.

Ringkasan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri mengikut komponen perbelanjaan ditunjukkan dalam Jadual 2.

**JADUAL 2  
PERBELANJAAN MENGURUS KERAJAAN NEGERI PERLIS**

Komponen Perbelanjaan	2016	2015	Kenaikan / (Penurunan)	Peratus
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%
Emolumen	44.90	43.45	1.45	3.34
Perkhidmatan Dan Bekalan	59.63	63.77	(4.14)	(6.49)
Aset	1.53	3.12	(1.59)	(50.96)
Pemberian Dan Kenaan Tetap (Tidak termasuk pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan)	24.62	24.26	0.36	1.48
Lain-Lain Perbelanjaan	1.67	0.54	1.13	209.26
<b>JUMLAH</b>	<b>132.35</b>	<b>135.14</b>	<b>(2.79)</b>	<b>(2.06)</b>

**LAPORAN BENDAHARI NEGERI  
PENYATA KEWANGAN 2016**

---

Perbelanjaan Emolumen sebanyak RM44.90 juta merupakan 33.93% daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2016. Meningkat sebanyak 3.34% berbanding perbelanjaan tahun 2015 disebabkan:-

- ❖ pergerakan gaji tahunan;
- ❖ rasionalisasi skim perkhidmatan (Pekeliling Perkhidmatan Bil 1/2016);
- ❖ penetapan kadar Imbuan Tetap Perumahan (ITP) terendah pada kadar RM300; dan
- ❖ pemberian bantuan khas kewangan

**Perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan** berjumlah RM59.63, menurun sebanyak 6.49% berbanding perbelanjaan dalam tahun 2015 disebabkan Kerajaan Negeri telah selesai menjelaskan tunggakan bil-bil utiliti bernilai tinggi dalam tahun 2015.

Perbelanjaan perolehan **Aset** berkurang sebanyak 50.96% berbanding tahun 2015 kerana Kerajaan Negeri tidak membuat perolehan aset berskala besar.

Perbelanjaan di bawah **Pemberian dan Kenaan Tetap** yang merangkumi perbelanjaan untuk bayaran balik hutang kepada Kerajaan Persekutuan, bayaran pencen dan ganjaran serta pemberian dan bantuan lain berjumlah RM24.26 juta. Perbelanjaan ini menunjukkan peningkatan sebanyak 1.48% disebabkan pertambahan dalam tuntutan bayaran Gantian Cuti Rehat (GCR) kakitangan yang bersara


**Lain-lain perbelanjaan** pula meningkat sebanyak RM1.13 juta berbanding tahun 2015. Penyumbang kepada kenaikan ini antaranya disebabkan Kerajaan Negeri telah mengelaskan semula peruntukan untuk bayaran Caruman Membantu Kadar kepada Majlis Perbandaran Kangar (MPK) berjumlah RM545,000 daripada kod perbelanjaan 42000 (Pemberian Dalam Negeri) kepada kod perbelanjaan 52000 (Bayaran-bayaran Lain) dan bayaran balik premium tanah berjumlah RM548,533.00 kepada Syarikat TNS Mineralist Sdn Bhd.

Aliran Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun ditunjukkan dalam Carta 4.

Laporan terperinci perbelanjaan mengurus boleh dirujuk kepada **Lampiran 1 Penyata Perbelanjaan Mengurus**.

**LAPORAN BENDAHARI NEGERI  
PENYATA KEWANGAN 2016**

**CARTA 4**



**AKAUN PINJAMAN DISATUKAN**

Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(b) Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak – 1972) bagi mengakaunkan semua terimaan pinjaman, bayaran balik dan pindahan pinjaman yang diterima ke Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Bekalan Air. Sumber pinjaman Kerajaan Negeri adalah daripada Kerajaan Persekutuan. Dalam tahun 2016, Kerajaan Negeri telah menerima pinjaman berjumlah RM4.07juta bagi membiayai Program Pengurangan Air Tak Terhasil oleh Syarikat Air Perlis (SAP).

Sehingga 31 Disember 2016 akaun ini tidak berbaki kerana semua pinjaman yang diterima telah disalurkan kepada SAP.

**AKAUN AMANAH DISATUKAN**

Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Sehingga 31 Disember 2016 akaun ini berbaki RM426.57 juta berbanding RM401.23 juta pada 31 Disember 2015.

Laporan terperinci mengenai Akaun Amanah Disatukan boleh dirujuk kepada **Nota 7, Nota Kepada Penyata Kewangan**.

**LAPORAN BENDAHARI NEGERI  
PENYATA KEWANGAN 2016**

**Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan daripada peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Ia dikategorikan kepada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Dalam tahun 2016 akaun ini berbaki kredit sebanyak RM333.06 juta iaitu berlaku peningkatan sebanyak RM31.08 juta berbanding RM301.98 juta pada tahun 2014.

**Kumpulan Wang Pembangunan**


Kumpulan Wang Pembangunan telah diwujudkan mengikut Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406] bagi membiayai perbelanjaan berkaitan projek-projek pembangunan. Terimaan kumpulan wang ini menyusut sebanyak 57.89% kepada RM26.63 juta pada 31 Disember 2016 berbanding RM63.24 juta pada 31 Disember 2015 disebabkan Kerajaan Negeri tidak menerima Pemberian Pertambahan hasil daripada Kerajaan Persekutuan dan tidak membuat caruman dari Akaun Hasil Disatukan memandangkan baki terkumpul kumpulan wang mampu menampung perbelanjaan yang dilakukan.

Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 7(a)(i), Nota Kepada Penyata Kewangan.**

Perbelanjaan pembangunan dalam tahun 2016 berjumlah RM37.61 juta, iaitu 90.52% daripada peruntukan berjumlah RM41.55 juta. Semua perbelanjaan dibiayai secara langsung oleh Kerajaan Negeri.


Laporan terperinci mengenai perbelanjaan pembangunan boleh dirujuk kepada Lampiran 2 – Penyata Perbelanjaan Pembangunan. Carta 5 menunjukkan jumlah terimaan berbanding perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan bagi tempoh 5 tahun manakala Carta 6 menunjukkan prestasi terimaan pembangunan mengikut komponen bagi tempoh 5 tahun.

**CARTA 5**



**LAPORAN BENDAHARI NEGERI  
PENYATA KEWANGAN 2016**

**CARTA 6**



**Kumpulan Wang Bekalan Air**

Kumpulan Wang Bekalan Air ditubuhkan mengikut kehendak Enakmen Kumpulan Wang Bekalan Air di bawah Jabatan Kerja Raya. Sumber kewangan kumpulan wang ini terdiri daripada caruman dari Akaun Hasil Disatukan dan pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan.

Dalam tahun 2016, Kumpulan Wang ini telah ditutup kerana tidak diperlukan lagi selaras dengan pengkorporatan Jabatan Kerja Raya (Bekalan Air) sebagai Syarikat Air Perlis (SAP) pada 1 Januari 2015.

Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 7(a)(ii), Nota Kepada Penyata Kewangan.**

**Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Terdapat 5 kategori akaun dikelaskan di bawah Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan iaitu Akaun Penyelesaian, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang. Baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2016 berjumlah RM320.12 juta berbanding RM277.96 juta pada akhir tahun 2015. Berlaku peningkatan sebanyak 15.17% disebabkan kenaikan dalam baki akaun Pendahuluan Daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM46.00 juta.

**LAPORAN BENDAHARI NEGERI  
PENYATA KEWANGAN 2016**

**Akaun Pendahuluan Daripada Kerajaan Persekutuan** di bawah kategori Akaun Penyelesaian diselenggara bagi mengakaun pendahuluan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan bagi mengatasi masalah aliran tunai Kerajaan Negeri. Pada akhir tahun 2016, akaun ini berbaki RM180.82 juta berbanding RM134.82 juta pada tahun 2015. Peningkatan ini disebabkan Kerajaan Negeri telah mendapatkan pendahuluan baru berjumlah RM63.00 juta bagi menampung aliran tunai. Dalam tahun 2016 juga, Kerajaan Negeri telah membuat bayaran balik pendahuluan sebanyak RM17.00 juta melalui potongan pemberian Kerajaan Persekutuan.

Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 7(a)(iii), Nota Kepada Penyata Kewangan.**

**Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya** diwujudkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi merekod pemberian Kerajaan Persekutuan untuk membiayai kos penyelenggaraan jalan raya negeri. Pada tahun 2016, akaun ini berbaki RM111.43 juta berbanding RM111.89 juta pada tahun 2015. Kedudukan penerimaan dan pembayaran akaun ini bagi tahun 2016 berbanding tahun 2015 adalah seperti di Jadual 3.

**JADUAL 3  
KUMPULAN WANG AMANAH PENYELENGGARAAN JALAN  
TAHUN 2015 DAN 2016**

Butiran	2016	2015	Kenaikan / (Penurunan)	
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%
<b>Baki Pada 1 Januari</b>	<b>111.89</b>	<b>109.33</b>	<b>2.56</b>	<b>2.34</b>
Terimaan	30.67	28.93	1.74	6.01
Bayaran	31.13	26.37	4.76	18.05
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>111.43</b>	<b>111.89</b>	<b>(0.46)</b>	<b>(0.41)</b>

**Kumpulan Wang Amanah Awam**

Kumpulan wang ini ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] untuk mengakaunkan wang yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri serta wang amanah yang diterima bagi maksud-maksud tertentu. Baki terkumpul Kumpulan Wang Amanah Awam bagi tahun 2016 berjumlah RM51.43 juta berbanding RM62.47 pada tahun sebelumnya.

Dalam tahun 2016, terdapat lima (5) akaun amanah baru diwujudkan dan dua (2) akaun amanah yang ditutup seperti di Jadual 4.

**LAPORAN BENDAHARI NEGERI  
PENYATA KEWANGAN 2016****JADUAL 4  
AKAUN AMANAH BARU DAN DITUTUP DALAM TAHUN 2016**

Akaun Amanah Baru		Akaun Amanah Tutup	
Bil.	Perihal	Bil.	Perihal
1.	Akaun Amanah Aktiviti Dakwah	1.	Akaun Amanah Syarikat Air Perlis
2.	Akaun Amanah Tadika Islam	2.	Akaun Amanah Sukan Paralimpiad
3.	Akaun Amanah Imam Pelapis		
4.	Akaun Amanah Pentadbiran Masjid		
5.	Akaun Amanah Perlis Marathon		

Laporan akaun amanah mengikut Pegawai Pengawal boleh dirujuk kepada **Nota 7(b), Nota Kepada Penyata Kewangan.**

**Akaun Deposit**

Deposit terdiri daripada wang yang diterima oleh Kerajaan Negeri bagi maksud tertentu mengikut undang-undang atau perjanjian dan perlu dikembalikan apabila maksud kutipan telah tercapai. Bagi tahun 2016, jumlah deposit yang dipegang oleh kerajaan sebanyak RM42.07 juta berbanding RM36.78 juta pada tahun 2015.

Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 7(c), Nota Kepada Penyata Kewangan.**

**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI****Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai**

Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai adalah penyata yang menunjukkan aliran masuk dan keluar wang tunai Kerajaan Negeri bagi tempoh berakhir 31 Disember 2016.

Pada tahun 2016, Kerajaan Negeri telah mengalami lebihan wang tunai sebanyak RM2.92 juta berikutan jumlah aliran masuk wang tunai sebanyak RM176.97 juta berbanding jumlah aliran keluar tunai sebanyak RM174.05 juta. Lebihan ini menjadikan baki terkumpul wang tunai meningkat daripada RM16.67 juta dalam tahun 2015 kepada RM19.58 juta pada tahun 2016.

**PENYATA AKAUN MEMORANDUM**

Penyata Akaun Memorandum ialah penyata yang menunjukkan sebahagian aset dan liabiliti Kerajaan Negeri yang tidak ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Aset terdiri daripada pinjaman boleh dituntut, manakala liabiliti pula terdiri daripada hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

**LAPORAN BENDAHARI NEGERI  
PENYATA KEWANGAN 2016**

**ASET**

**Pinjaman Boleh Tuntut**

Baki Pinjaman Boleh Tuntut merupakan baki pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Badan Berkanun Negeri. Sehingga 31 Disember 2016, jumlah pinjaman yang boleh dituntut adalah sebanyak RM106.37 juta berbanding RM102.65 juta pada tahun 2015. Dalam tahun 2016 Kerajaan Negeri telah memberi pinjaman sebanyak RM4,100,000.00 kepada Syarikat Air Perlis (SAP) dan menerima bayaran balik pinjaman daripada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs) berjumlah RM 380,000.00.

Butiran terperinci ditunjukkan dalam **Nota 8(a), Nota Kepada Penyata Kewangan dan Lampiran 3 – Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Tuntut.**


**LIABILITI**

**Hutang Awam**

Pada akhir tahun 2016, baki hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM394.34 juta berbanding RM391.90 juta pada tahun 2015. Berlaku peningkatan sebanyak RM2.44 juta kerana Kerajaan Negeri telah menerima pinjaman berjumlah RM4.07 juta bagi membiayai Program Pengurangan Air Tak Terhasil. Butiran terperinci ditunjukkan dalam **Nota 9, Nota Kepada Penyata Kewangan dan Lampiran 4 – Penyata Akaun Memorandum Hutang Awam.**

Carta 7 menunjukkan prestasi bayaran balik hutang kepada Kerajaan Persekutuan bagi tempoh 5 tahun.

**CARTA 7**





PENYATA

KEDUDUKAN KEWANGAN



PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN  
pada 31 Disember 2016

	<u>Nota</u>	<u>2016</u>	<u>2015</u>
		RM	RM
<b>WANG AWAM</b>			
<b>WANG TUNAI</b>	3	19,585,704.19	16,669,074.38
<b>PELABURAN</b>	4	0.00	0.00
		<b>19,585,704.19</b>	<b>16,669,074.38</b>
<b>DIPEGANG BAGI:</b>			
<b>KUMPULAN WANG DISATUKAN</b>			
<b>AKAUN HASIL DISATUKAN</b>	5	(406,985,590.82)	(384,566,698.34)
<b>AKAUN PINJAMAN DISATUKAN</b>	6	0.00	0.00
<b>AKAUN AMANAH DISATUKAN</b>	7	426,571,295.01	401,235,772.72
		<b>19,585,704.19</b>	<b>16,669,074.38</b>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.



PENYATA

PENERIMAAN DAN  
PEMBAYARAN WANG TUNAI



**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI**  
Bagi tahun berakhir 31 Disember 2016

	NOTA	2016		2015	
		RM	RM	RM	RM
<b>TERIMAAN</b>					
<b>Hasil</b>	5				
Hasil Cukai		19,436,467.59		13,549,664.02	
Hasil Bukan Cukai		20,498,110.54		30,202,400.61	
Terimaan Bukan Hasil		<u>69,991,817.99</u>	109,926,396.12	<u>43,932,552.19</u>	87,684,616.82
<b>Pinjaman</b>	6				
Dalam Negeri		<u>4,100,000.00</u>	4,100,000.00	2,052,579.00	2,052,579.00
<b>Terimaan Modal</b>	7				
Pelbagai Terimaan Modal		26,635,513.93		33,395,558.98	
Jualan Instrumen Kewangan		<u>0.00</u>	26,635,513.93	<u>0.00</u>	33,395,558.98
<b>Terimaan Lain</b>	7				
Terimaan Amanah		<u>36,310,940.02</u>	36,310,940.02	<u>41,236,542.32</u>	41,236,542.32
<b>JUMLAH TERIMAAN</b>			<b>176,972,850.07</b>		<b>164,369,297.12</b>
<b>BAYARAN</b>					
<b>Perbelanjaan Mengurus</b>	5				
Emolumen		(44,901,242.59)		(43,451,360.23)	
Perkhidmatan Dan Bekalan		(59,626,284.38)		(63,767,863.55)	
Aset		(1,525,903.79)		(3,115,096.50)	
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap		(22,951,572.17)		(18,800,096.12)	
Perbelanjaan Lain		<u>(1,674,189.55)</u>	(130,679,192.48)	<u>(541,281.71)</u>	(129,675,698.11)
<b>Perbelanjaan Pembangunan</b>	7				
Langsung		(37,610,931.66)		(53,258,377.28)	
Pinjaman		<u>0.00</u>	(37,610,931.66)	<u>(116,957.01)</u>	(53,375,334.29)
<b>Perbelanjaan Modal</b>	7				
Pelbagai Perbelanjaan Modal		0.00		0.00	
Pembelian Instrumen Kewangan		<u>0.00</u>	0.00	<u>0.00</u>	0.00
<b>Bayaran Balik Pinjaman</b>	6				
Pinjaman Dalam Negeri		(1,666,096.12)		(5,461,125.11)	
Pinjaman Kepada Negeri		<u>(4,100,000.00)</u>	(5,766,096.12)	<u>(2,052,579.00)</u>	(7,513,704.11)
<b>Bayaran Lain</b>	7				
Bayaran Amanah		<u>0.00</u>	0.00	<u>0.00</u>	0.00
<b>JUMLAH BAYARAN</b>			<b>(174,056,220.26)</b>		<b>(190,564,736.51)</b>
<b>Tambahan / (Kurangan) Wangtunai</b>			<b>2,916,629.81</b>		<b>(26,195,439.39)</b>
<b>Wang Tunai Pada 1 Januari</b>			<b>16,669,074.38</b>		<b>42,864,513.77</b>
<b>WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER</b>			<b>19,585,704.19</b>		<b>16,669,074.38</b>



PENYATA  
PRESTASI KEWANGAN



PENYATA PRESTASI KEWANGAN  
bagi tahun berakhir 31 Disember 2016

	<i>Nota</i>	<u>2016</u>		<u>2015</u>
		<u>Anggaran</u>	<u>Sebenar</u>	<u>Sebenar</u>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
<b>HASIL</b>	5	70,283,080.00	109,926,396.12 <sup>1</sup>	87,684,616.82
<i>Tolak:</i>				
Belanja Mengurus	5	158,591,233.00	132,345,288.60 <sup>1</sup>	164,983,663.22
<b>LEBIHAN / (KURANGAN) HASIL</b>		<b>(88,308,153.00)</b>	<b>(22,418,892.48)</b>	<b>(77,299,046.40)</b>
<i>Tolak:</i>				
Belanja Pembangunan	7	41,550,168.25	37,610,931.66 <sup>1</sup>	53,375,334.29
<b>LEBIHAN / (KURANGAN) KESELURUHAN</b>		<b>(129,858,321.25)</b>	<b>(60,029,824.14)</b>	<b>(130,674,380.69)</b>
<b>KURANGAN DIBIYAI OLEH:</b>				
Pinjaman Dalam Negeri	6		0.00	0.00
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terim	7		26,635,513.93 <sup>1</sup>	63,242,398.98
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	7		33,394,310.21	67,431,981.71
<b>JUMLAH PEMBIAYAAN</b>			<b>60,029,824.14</b>	<b>130,674,380.69</b>

*Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.*



PENYATA

AKAUN MEMORANDUM



PENYATA AKAUN MEMORANDUM  
pada 31 Disember 2016

	<u>Nota</u>	<u>2016</u>	<u>2015</u> (Dinyatakan semula)
		RM	RM
<b>MEMORANDUM ASET</b>	8		
Pinjaman Boleh Dituntut		106,377,235.49	102,657,235.49
<b>MEMORANDUM LIABILITI</b>	9		
Hutang Kerajaan Negeri		394,338,316.50	391,903,743.64

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.



NOTA KEPADA  
PENYATA KEWANGAN



**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
bagi tahun berakhir 31 Disember 2016****DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN****1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN**

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
  - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah, dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
  - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Undangan Negeri, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.
  - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Negeri mengamal asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urus niaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperoleh dengan pengubahsuaian seperti berikut:
  - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.
  - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambilkira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.
  - iii) Mengakaun urus niaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan dan seumpamanya.
- d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua jabatan Kerajaan Negeri.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas (12) bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

- f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM). Urus niaga yang melibatkan mata wang asing telah ditukar kepada nilai setara RM berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

## 2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disediakan mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting mengandungi komponen berikut :-

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

## 3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan baki deposit di institusi kewangan. Pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang telah diklasifikasi sebagai Wang Tunai Dalam Bank selaras dengan Para 1.2.3. *Cash Basis* IPSAS.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit.

Wang Tunai pada 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

PERIHAL	2016 RM	2015 RM
Wang Tunai Dalam Bank	19,556,354.19	16,647,010.74
Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.00	542.00
Wang Tunai Dalam Tangan	29,350.00	21,521.64
<b>JUMLAH WANG TUNAI</b>	<b>19,585,704.19</b>	<b>16,669,074.38</b>

#### 4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Am yang dibuat daripada lebih Kumpulan Wang Disatukan dan dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga (3) bulan telah diklasifikasikan sebagai Wang Tunai Dalam Bank selaras dengan para 1.2.3 *Cash Basis* IPSAS.

Pada 31 Disember 2016 tiada pelaburan dilaporkan kerana Kerajaan Negeri tidak membuat sebarang pelaburan sepanjang tahun 2016.

PERIHAL	2016 NILAI BUKU		2015 NILAI BUKU	
	PELABURAN KUMPULAN WANG AMANAH RM	PELABURAN AM RM	PELABURAN KUMPULAN WANG AMANAH RM	PELABURAN AM RM
Deposit Dalam Negeri	0.00	0.00	0.00	0.00
Pelbagai	0.00	0.00	0.00	0.00
Jumlah	0.00	0.00	0.00	0.00
<b>JUMLAH PELABURAN</b>		<b>0.00</b>		<b>0.00</b>

**5. AKAUN HASIL DISATUKAN**

Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urus niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61.

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

PERIHAL	2016			2015	
	ANGGARAN RM	SEBENAR RM	% ANGGARAN	SEBENAR RM	% ANGGARAN
<b>BAKI PADA 1 JANUARI</b>		(384,566,698.34)		(307,267,651.94)	
<b>HASIL</b>					
Hasil Cukai	16,930,020.00	19,436,467.59	114.80	13,549,664.02	96.68
Hasil Bukan Cukai	24,673,310.00	20,498,110.54	83.08	30,202,400.61	116.12
Terimaan Bukan Hasil	28,679,750.00	69,991,817.99	244.05	43,932,552.19	153.17
<b>Jumlah Hasil</b>	<b>70,283,080.00</b>	<b>109,926,396.12</b>	<b>156.41</b>	<b>87,684,616.82</b>	<b>127.62</b>
<b>PERBELANJAAN MENGURUS</b>					
Emolumen	48,629,326.00	44,901,242.59	92.33	43,451,360.23	91.77
Perkhidmatan dan Bekalan	63,198,224.00	59,626,284.38	94.35	63,767,863.55	96.01
Aset	2,345,370.00	1,525,903.79	65.06	3,115,096.50	89.13
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap **	33,940,270.00	24,617,668.29	72.53	24,261,221.23	75.15
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	1,693,533.00	1,674,189.55	98.86	541,281.71	96.97
<b>Perbelanjaan Mengurus (sebelum pindahan)</b>	<b>149,806,723.00</b>	<b>132,345,288.60</b>	<b>88.34</b>	<b>135,136,823.22</b>	<b>86.92</b>
Pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan	8,784,510.00	0.00	0.00	29,846,840.00	100.00
<b>Jumlah Perbelanjaan Mengurus (selepas pindahan)</b>	<b>158,591,233.00</b>	<b>132,345,288.60</b>	<b>83.45</b>	<b>164,983,663.22</b>	<b>86.92</b>
Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun		(22,418,892.48)		(77,299,046.40)	
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>		<b>(406,985,590.82)</b>		<b>(384,566,698.34)</b>	

Nota :(\*\*) – Termasuk bayaran balik pinjaman kerajaan persekutuan.

a) Hasil

Hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang - undang. Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

PERIHAL	2016				2015	
	ANGGARAN ASAL	ANGGARAN DISEMAK	SEBENAR		SEBENAR	
	RM	RM	RM	% ANGGARAN	RM	% ANGGARAN
<b>HASIL CUKAI</b>						
Cukai Tanah	14,300,010.00	14,300,010.00	17,182,880.21	120.16	10,953,542.14	96.93
Cukai Parit dan Taliair	570,000.00	570,000.00	770,796.35	135.23	712,901.35	101.84
Cukai Keluaran Hutan	2,060,000.00	2,060,000.00	1,482,791.03	71.98	1,883,220.53	93.46
Cukai Hiburan	10.00	10.00	0.00	0.00	0.00	0.00
<b>Jumlah Hasil Cukai</b>	<b>16,930,020.00</b>	<b>16,930,020.00</b>	<b>19,436,467.59</b>	<b>114.80</b>	<b>13,549,664.02</b>	<b>96.68</b>
<b>HASIL BUKAN CUKAI</b>						
Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit	7,123,460.00	7,123,460.00	7,199,736.32	101.07	8,064,116.77	99.37
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	1,659,040.00	1,659,040.00	1,602,221.10	96.58	3,825,945.85	163.38
Perolehan daripada Jualan Barang-barang	11,208,670.00	11,208,670.00	3,877,635.27	34.59	13,043,111.90	123.27
Sewaan	3,918,520.00	3,918,520.00	6,611,745.31	168.73	1,962,827.46	52.68
Keuntungan Pembiayaan dan Perolehan Pelaburan	581,080.00	581,080.00	522,641.43	89.94	727,991.25	75.36
Denda dan Hukuman	182,540.00	182,540.00	684,131.11	374.78	2,578,407.38	920.73
<b>Jumlah Hasil Bukan Cukai</b>	<b>24,673,310.00</b>	<b>24,673,310.00</b>	<b>20,498,110.54</b>	<b>83.08</b>	<b>30,202,400.61</b>	<b>116.12</b>

PERIHAL	2016				2015	
	ANGGARAN ASAL RM	ANGGARAN DISEMAK RM	SEBENAR		SEBENAR	
			RM	% ANGGARAN	RM	% ANGGARAN
<b>TERIMAAN BUKAN HASIL</b>						
Pulangan Balik Perbelanjaan	28,690.00	28,690.00	466,356.76	1,625.50	1,228,302.14	4,055.14
Terimaan daripada Agensi Kerajaan	28,651,060.00	28,651,060.00	69,525,461.23	242.66	42,704,250.05	149.05
<b>Jumlah Terimaan Bukan Hasil</b>	<b>28,679,750.00</b>	<b>28,679,750.00</b>	<b>69,991,817.99</b>	<b>244.05</b>	<b>43,932,552.19</b>	<b>153.17</b>
<b>JUMLAH HASIL</b>	<b>70,283,080.00</b>	<b>70,283,080.00</b>	<b>109,926,396.12</b>	<b>156.41</b>	<b>87,684,616.82</b>	<b>127.62</b>

Perbezaan ketara di antara anggaran disemak dan hasil sebenar diterangkan di Laporan Bendahari Negeri.

#### b) Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaikan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Negeri selaras dengan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan berdasarkan kelulusan Dewan Undangan Negeri selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan.

Bagi maksud perbelanjaan yang telah melebihi peruntukan, suatu anggaran tambahan akan dibentangkan di sesi Persidangan Dewan Undangan Negeri bulan Mac - April 2016 selaras dengan Perkara 101(b) Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

MAKSUD PERBELANJAAN	2016			
	ANGGARAN ASAL RM	ANGGARAN DIPINDA RM	SEBENAR	
			RM	% ANGGARAN
<b>PERBELANJAAN TANGGUNGAN</b>				
T.01 Pejabat Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja	2,506,080.00	3,465,570.00	3,294,646.49	95.07
T.02 Pejabat DYT M Raja Muda	733,230.00	894,300.00	844,916.81	94.48
T.03 Pengetua Dewan	195,010.00	195,510.00	195,492.00	99.99
T.04 Perbendaharaan Negeri Perlis	10,000,020.00	10,379,220.00	2,067,296.12	19.92
T.05 Pampasan	10.00	10.00	0.00	0.00
T.06 Perbendaharaan Negeri Perlis	5,984,010.00	6,532,543.00	6,347,355.86	97.17
<b>Jumlah Perbelanjaan Tanggungan</b>	<b>19,418,360.00</b>	<b>21,467,153.00</b>	<b>12,749,707.28</b>	<b>59.39</b>
<b>PERBELANJAAN BEKALAN</b>				
B.01 Pejabat Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja	3,134,210.00	3,213,650.00	3,052,973.33	95.00
B.02 Dewan Negeri	2,382,190.00	2,396,190.00	2,394,458.88	99.93
B.04 Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	38,575,020.00	38,575,020.00	38,139,077.47	98.87
B.05 Pelbagai Perkhidmatan	5,988,930.00	5,988,930.00	5,864,661.19	97.93
B.06 Perbendaharaan Negeri Perlis	2,777,250.00	2,777,250.00	2,433,894.17	87.64
B.07 Perbendaharaan Negeri (Caruman)	8,919,550.00	8,919,550.00	135,000.00	1.51
B.09 Jabatan Kerja Raya	21,247,230.00	22,947,230.00	20,628,063.17	89.89
B.11 Jabatan Pertanian	7,313,000.00	7,983,000.00	6,333,434.19	79.34
B.12 Jabatan Perkhidmatan Veterinar	4,370,000.00	4,370,000.00	3,811,304.24	87.22
B.13 Jabatan Pengairan dan Saliran	11,600,000.00	11,600,000.00	10,923,183.95	94.17
B.14 Jabatan Perancang Bandar	801,400.00	801,400.00	699,280.77	87.26
B.15 Jabatan Kebajikan Masyarakat	9,936,350.00	9,936,350.00	9,128,993.25	91.87
B.16 Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	4,300,000.00	4,300,000.00	3,980,443.33	92.57
B.17 Pejabat Mufti	1,405,000.00	1,405,000.00	1,254,762.66	89.31
B.18 Pejabat Mahkamah Syariah	1,900,000.00	1,900,000.00	1,749,647.99	92.09
B.19 Pejabat Pembangunan Negeri	553,100.00	553,100.00	471,180.17	85.19
B.23 Jabatan Perhutanan	2,980,000.00	3,340,000.00	3,103,020.65	92.90
B.25 Jabatan Tanah dan Galian	6,117,400.00	6,117,400.00	5,492,201.91	89.78
B.57 Membeli Tanah	10.00	10.00	0.00	0.00
<b>Jumlah Perbelanjaan Bekalan</b>	<b>134,300,640.00</b>	<b>137,124,080.00</b>	<b>119,595,581.32</b>	<b>87.22</b>
<b>PERBELANJAAN MENGURUS (sebelum pindahan)</b>	<b>153,719,000.00</b>	<b>158,591,233.00</b>	<b>132,345,288.60</b>	<b>83.45</b>
<b>PINDAHAN KE KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN</b>			<b>0.00</b>	
<b>PERBELANJAAN MENGURUS (selepas pindahan)</b>			<b>132,345,288.60</b>	

Perbezaan ketara di antara anggaran asal dan anggaran dipinda dan di antara anggaran dipinda dengan perbelanjaan sebenar diterangkan di Laporan Bendahari Negeri. Maklumat terperinci perbelanjaan mengurus dapat dirujuk di Lampiran 1- Penyata Perbelanjaan Mengurus bagi tahun berakhir 31 Disember 2016.

## 6. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

